



DASAR KUALITI, KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Adalah menjadi dasar Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) untuk secara berterusan mempertingkatkan kualiti produk, perkhidmatan serta prestasi keselamatan dan kesihatan warga JKKP di samping mereka yang berkaitan.

Pihak pengurusan dan warga JKKP akan bersama-sama berusaha untuk mencegah sebarang potensi ketidakakuran produk dan perkhidmatannya serta sebarang kemungkinan kecederaan dan penyakit dari insiden yang berlaku di tempat kerja.

Jabatan ini komited untuk:

- a) Menyediakan dan menyelenggara suatu tempat dan sistem kerja yang berkualiti, selamat serta sihat dari sebarang hazard dan risiko;
- b) Memastikan bahawa semua warga JKKP adalah diberi maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan berkenaan cara untuk menjalankan tugas dengan selamat dan tanpa risiko kepada kesihatan;
- c) Menyiasat semua ketidakakuran produk dan perkhidmatannya, insiden, penyakit pekerjaan, keracunan pekerjaan dan kejadian berbahaya serta mengambil langkah-langkah untuk memastikan ia tidak berulang;
- d) Mengenal pasti, mematuhi kehendak-kehendak pelanggan, perundangan dan lain-lain keperluan seperti ditetapkan di dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, peraturan-peraturannya dan tata amalan industri yang diluluskan; dan
- e) Mempromosikan dan mencapai Objektif Kualiti, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Prosedur Kerja, Peraturan dan Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam kalangan warga JKKP di seluruh negara.

Untuk memastikan pelaksanaan dasar ini, sistem Pengurusan Kualiti, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan diwujudkan, dilaksanakan dan diselenggarakan di Jabatan ini.

IR. HAJI MOHD HATTA BIN ZAKARIA

Ketua Pengarah

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Tarikh: 6 September 2023